

# MAK 2025 KPF SELESAI



43

Terima Kasih

KAWASAN



• LAWATAN KERJA Pengerusi KPF ke Ladang Samarahan & Kilang Sawit Ensengei



• SESI TAKLIMAT Perseediaan Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2025 KPF



• BUFET RAMADAN TENERA Diiktiraf dengan Pingat Gastronomi



• AILDILFITRI DIRAI, Empat Koperasi FELDA, Kukuh Ukhuwah



## ASPIRASI DARIPADA PENGGERUSI



**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita berpeluang menerbitkan Majalah Aspirasi Edisi 1 bagi tahun 2025. Alhamdulillah, penerbitan ini terus menjadi wadah utama dalam menyampaikan informasi, perkembangan semasa serta hala tuju Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) kepada seluruh anggota KPF dan komuniti FELDA.

Mewakili Lembaga, saya ingin menzahirkan rasa bangga dengan komitmen yang ditunjukkan oleh seluruh warga KPF dalam mendokong aspirasi koperasi kita. Tahun 2025 menuntut kita untuk terus bergerak maju dengan lebih strategik, inovatif dan mampan, demi memastikan KPF kekal relevan dan berdaya saing dalam landskap ekonomi yang sentiasa berubah.

Saya berharap Majalah Aspirasi terbitan KPF ini akan terus menjadi sumber inspirasi dan rujukan kepada semua pihak dan sebagai medium komunikasi dalaman yang berkesan.

Tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam penerbitan edisi ini. Semoga usaha kita ini sentiasa diberkati dan membuahkan hasil yang bermanfaat untuk semua.

**Sekian, wassalam dan salam aspirasi.**

**YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris**  
**Pengerusi KPF**

## WARKAH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,**

Alhamdulillah, kita mulakan tahun 2025 dengan penuh rasa syukur dan semangat baharu. Kehadiran Majalah Aspirasi edisi pertama tahun ini menjadi simbol komitmen berterusan Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dalam memperkukuh komunikasi strategik dan menyampaikan maklumat yang relevan kepada anggota KPF serta seluruh komuniti FELDA.

Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang telah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada kecemerlangan KPF. Tahun 2025 menuntut kita untuk terus berdaya saing, inovatif dan tangkas dalam mendepani cabaran persekitaran ekonomi yang semakin mencabar.

Melalui penerbitan ini, saya berharap dapat menjadi jambatan yang menghubungkan setiap lapisan warga koperasi dari pengurusan hingga ke akar umbi dalam menyemai nilai integriti, akauntabiliti dan semangat muafakat. Bersama-sama kita membawa misi KPF ke hadapan, menjadikan KPF bukan sahaja kukuh dari segi kewangan tetapi juga relevan dan dipercayai oleh anggotanya.

**Salam hormat dan selamat membaca.**

**Sakinah Salleh**  
**Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan**





**Penaung**  
 Sakinah Salleh  
 Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan



**Penasihat**  
 Anuar Hassan  
 Divisyen Pengurusan & Perkhidmatan



**Ketua Editor**  
 Atiqah Ya'acob



**Wartawan/Penulis**  
 Mohd Fikrie Azlan



**Visual & Media**  
 Ahmad Yusri Yusof



**Audio Visual**  
 Farhan Akmal Parsi



**Media & Perhubungan Awam**  
 Salmiah Ahmad Tahir



**Reka Grafik, Visual & Media**  
 Muhammad Izzat Che Baharun

## KANDUNGAN UTAMA

- **SESI TAKLIMAT PERSEDIAAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2025 KPF**
- **MAK KPF 2025 BERMULA DI WILAYAH JOHOR BAHRU DAN SEGAMAT**
- **MAK KUALA LUMPUR 2025: PEMILIHAN 52 PERWAKILAN KE MAPT**
- **KPF DI HATI: TOWNHALL PETUGAS 2025 PERKUKUH HUBUNGAN & KEPERCAYAAN**
- **KPF SANTUNI ANAK-ANAK ASNAF PADA MAJLIS IFTAR RAMADAN**
- **KPF TERIMA MANDAT SEBAGAI EJEN TUNGGA (SUPER DEALER) BTS & PMS PADA MAJLIS BERBUKA PUASA FELDA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI**
- **SERUMPUN KOPERASI FELDA, MAJLIS RAYA GABUNGAN EMPAT KOPERASI MERIAH**

4

5

6

9

14

15

17





## SESI TAKLIMAT PERSEDIAAN MESYUARAT AGUNG KAWASAN (MAK) 2025 KPF



**Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati**

**KUALA LUMPUR, 3 Januari 2025** – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mengadakan sesi taklimat bagi menilai persiapan Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2025. Taklimat ini bertujuan memperkukuh kerjasama antara Lembaga KPF, pengurusan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) selain memastikan pelaksanaan MAK 2025 berjalan lancar.

Taklimat ini turut memberikan peluang kepada KPF untuk mendapatkan input daripada SKM mengenai pelaksanaan MAK 2025 yang melibatkan 43 kawasan wilayah FELDA. MAK 2025 akan bermula di Johor Bahru dan Segamat sebagai lokasi pertama pada 7 Januari 2025. KPF komited memastikan perjalanan mesyuarat mengikut garis panduan yang telah ditetapkan SKM dengan meningkatkan kefahaman semua pihak terhadap proses demokrasi koperasi.

Sesi taklimat diadakan di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati dengan kehadiran anggota Lembaga dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, pengurusan KPF dan jemputan khas SKM, YBrs. Encik Mohd Fadzli Mat Lahim, Timbalan Pengarah SKM Wilayah Persekutuan (SKMWP), dan Encik Hamni Mat Dros, Pegawai Penyelia SKMWP.







## MAK 2025 KPF BERMULA DI WILAYAH JOHOR BAHRU DAN SEGAMAT

**SEGAMAT, 7 Januari 2025** – Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2025 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah bermula di Wilayah Johor Bahru dan Segamat sebagai lokasi pertama penganjurannya.

MAK Segamat I diadakan di Dewan Semarak FELDA Kahang Timur dihadiri oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris dengan kehadiran 86 anggota koperasi.

MAK Wilayah Segamat dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBhg. Dato' Ramli Ismail dengan membincangkan lima agenda utama termasuk Laporan Akaun, Belanjawan, Pindaan Undang-undang Kecil, Pemilihan Perwakilan MAPT dan Cadangan Aturan Koperasi. Selain itu, mesyuarat turut membuka ruang untuk pandangan dan cadangan daripada anggota.

Turut hadir adalah Encik Hasrul Nizam Hassan, Pengarah FELDA Wilayah Segamat; Encik Mohd Amri Abd Hamid, Pengurus FELDA Kahang Timur; dan Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF.

MAK Wilayah Johor Bahru pula dipengerusikan oleh Encik Samsudin Othman.



DEWAN SEMAI BAKTI FELDA AIR TAWAR LIMA



DEWANRAYA FELDA SIMPANG WA HA





## MAK KUALA LUMPUR 2025: PEMILIHAN 52 PERWAKILAN KE MAPT



Dewan Perdana FELDA



**KUALA LUMPUR, 21 Januari 2025** – Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) 2025 Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) bagi Kawasan Kuala Lumpur telah berlangsung dengan jayanya di Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF merangkap Pengerusi Mesyuarat Kawasan Kuala Lumpur. Seramai 109 anggota koperasi hadir dengan pemilihan seramai 52 perwakilan (47 perwakilan individu dan 5 perwakilan ganti) untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) 2025/2026.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh anggota Lembaga KPF dan pengurusan KPF serta turut hadir Encik Hamni Mat Dros, Pegawai Penyelia Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan.

Enam agenda utama dibincangkan termasuk pembentangan Laporan Draft Akaun 2024, Belanjawan 2026, Pindaan Undang-Undang Kecil, Pemilihan Perwakilan MAPT 2025/2026, Cadangan Aturan Koperasi dan Usul Anggota.

Mesyuarat ini menjadi platform untuk anggota berkongsi pandangan dan cadangan demi kemajuan koperasi.





## KPF DAN SYARIKAT KUMPULAN MEMERIAHKAN KARNIVAL TAHUN BAHARU WILAYAH TROLAK



FELDA Sungai Behrang

**FELDA SUNGAI BEHRANG, 2 Januari 2025** - Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) dan Syarikat Kumpulan menyatakan sokongan kepada FELDA dan FELDA Wilayah dengan menyertai pameran sempena Karnival Tahun Baharu 2025 Wilayah Trolak di Felda Sungai Behrang.

Pelbagai produk dan perkhidmatan ditawarkan kepada pengunjung yang hadir.

Turut serta sebagai pempamer adalah Jabatan Operasi dan Keanggotaan KPF, KPF FELDA D'Saji, Hotel Tenera, KPF Niaga dan KPF Trading.



## MAJLIS SOLAT HAJAT DI DATARAN ILMU BERLANGSUNG PENUH KEBERKATAN

**BALAI FELDA, 21 Februari 2025** - Majlis Solat Hajat telah diadakan di Dataran Ilmu dengan penuh ketenangan dan keberkatan. Solat hajat ini dipimpin oleh Ketua Jabatan Operasi dan Keanggotaan, Ustaz Abdul Rahman Hamzah dan disertai oleh pengurusan serta petugas KPF.

Majlis ini diadakan sebagai ikhtiar memohon keberkatan, perlindungan dan kelancaran dalam seluruh perjalanan serta pengurusan KPF khususnya untuk kesejahteraan anggota dan petugas. Semoga Allah SWT melimpahkan rahmat dan keberkatan kepada semua. Suasana harmoni dan semangat kebersamaan jelas terpancar sepanjang majlis berlangsung mengukuhkan lagi ukhuwah dalam kalangan warga KPF.





## LAWATAN KERJA Pengerusi KPF KE LADANG SAMARAHAN DAN KILANG SAWIT ENSENGEI



Pejabat Wilayah Sahabat

**SAMARAHAN, 3 Februari 2025** – Satu lawatan kerja telah diadakan ke Ladang KPF Samarahan dan Kilang Sawit Ensengei bagi memperkenalkan operasi aktiviti perladangan KPF. Lawatan ini dihadiri oleh YBhg. Dato’ Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF, YBrs. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tuan Haji Mohd Anuar Johari, Ketua Syarikat KPF Plantation, Encik Anuar Hassan, Ketua Pentadbiran dan Perkhidmatan dan Encik Mohd Shah Rezza Yahya, Ketua Jabatan Perladangan.

Ladang KPF Samarahan telah beroperasi sejak Februari 2015 dengan keluasan 15,366 hektar manakala Kilang Sawit Ensengei mempunyai kapasiti pengoperasian sebanyak 60 metrik tan sejam.

Kedua-dua entiti ini dikendalikan oleh KPF Plantation Sdn. Bhd, anak syarikat KPF yang bertanggungjawab sebagai agensi pengurusan utama dalam memastikan kelestarian dan keberkesanan operasi perladangan.

### Ladang KPF Samarahan Pacu Kejayaan KPF Dalam Industri Sawit

Ladang KPF Samarahan, terus menjadi sumber pendapatan utama bagi KPF, memperkukuh kesinambungan kewangan koperasi sejak 11 tahun yang lalu.

Menurut Pengerusinya, YBhg. Dato’ Mohd Banuri Aris dengan penerapan mekanisme baharu, produktiviti ladang semakin meningkat dan memberikan pulangan lebih baik kepada KPF. Pihak pengurusan Ladang KPF Samarahan terus komited memastikan hasil ladang terus berkembang demi manfaat bersama khususnya para peneroka dan pekerja.

Ladang Samarahan bukan sahaja menjadi teras kepada pendapatan KPF tetapi juga menjadi model kepada industri perladangan dalam Kumpulan FELDA. Kejayaan ini membuktikan KPF sentiasa berusaha melangkah ke hadapan, memastikan pertumbuhan mampan bagi manfaat anggota dan komuniti.





# KPF DI HATI: TOWN HALL PETUGAS 2025 PERKUKUH HUBUNGAN & KEPERCAYAAN

**KUALA LUMPUR, 28 Februari 2025** – Satu majlis *Town Hall* Petugas Kumpulan KPF 2025 telah diadakan di Dewan Merak Kayangan, Kuala Lumpur.

Perhimpunan ini menjadi platform penting dalam memperkukuh kebersamaan warga kerja KPF. Ia menghimpunkan semua petugas Kumpulan KPF dengan kehadiran Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, serta kepimpinan tertinggi sebagai tanda komitmen terhadap hala tuju organisasi.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBrs. Puan Sakinah Salleh membentangkan pencapaian dan hala tuju KPF bagi tahun 2025, menekankan daya saing koperasi, kecekapan operasi serta manfaat kepada anggota dan masyarakat.



*Town Hall* ini juga menjadi ruang untuk menyampaikan aspirasi kepimpinan dan mendapatkan maklum balas petugas. Dalam sesi *town hall*, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris menegaskan kepentingan modal insan dalam mencapai visi KPF dengan menekankan pembangunan kompetensi, integriti dan profesionalisme.

Majlis ini turut menyaksikan **pelancaran kempen "KPF Di Hati"** yang bertujuan memperkukuh hubungan antara KPF dan anggota. Pengerusi KPF secara simbolik memasang *button badge* kempen ini, yang kemudian diedarkan kepada semua petugas bagi memperkasakan keterlibatan anggota dan keyakinan terhadap koperasi.

Sebagai inisiatif kebajikan, KPF menyerahkan zakat wakalah bagi bantuan "*Back to School 2025*" kepada petugas yang layak sebagai usaha membantu persediaan persekolahan anak-anak dan meringankan beban anggota.

Majlis diakhiri dengan sesi motivasi bertemakan "*My Work, My Purpose, My Happiness*" oleh Encik Firdaus G. Djamaris daripada ESQ Leadership yang memberi inspirasi kepada petugas mengenai kepentingan memahami nilai kerja dan sumbangan mereka kepada kejayaan organisasi. Secara keseluruhan, *Town hall* Petugas KPF 2025 berjaya memperkukuhkan semangat kebersamaan dan kepercayaan dalam organisasi sejajar dengan aspirasi KPF untuk terus maju sebagai koperasi unggul.





## ALOR SETAR, 14 & 15 Februari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBrs. Dr. Mohd Faisal Mustaffa. Mesyuarat turut dihadiri oleh Pengerusi KPF, YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, YBhg. Dato' Ramli Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, YBrs. Puan Sakinah Salleh dan Ketua Pentadbiran dan Perkhidmatan, Encik Anuar Hassan.



## LIMA AGENDA UTAMA DIBENTANG DALAM MESYUARAT AGUNG KPF BAGI WILAYAH GUA MUSANG

### GUA MUSANG, 15 & 16 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBrs. Encik Hasbullah Muhammad.



### GUA MUSANG, 15 & 16 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBrs. Encik Hasbullah Muhammad.

### MAK WILAYAH MEMPAGA

#### MEMPAGA, 14 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBrs. Encik Hasbullah Muhammad.

### JENGKA, 21-23 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBhg. Dato' Ramli Ismail.

### KUANTAN, 21-24 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad.

## MAK 2025 WILAYAH TROLAK SELESAI DI EMPAT KAWASAN ANGGOTA LUAH RASA GEMBIRA DAPAT DENGAR PENERANGAN KPF

### TROLAK, 3-5 Februari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBrs. Encik Sulong Jamil Mohamed Shariff dan berganti dengan YBhg. Dato' Ramli Ismail.



## MAK 2025 KPF WILAYAH RAJA ALIAS: ANGGOTA KOPERASI BERI PANDANGAN & PILIH PERWAKILAN

### RAJA ALIAS, 14 & 15 Januari 2025

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBhg. Dato' Zakaria Arshad bersama YBhg. Dato' Zainal Abidin Ahmad.






# MAK 2025 KPF DI SELURUH 43 KAWASAN

## MAK 2025 KPF WILAYAH SAHABAT SABAH SELESAI DENGAN JAYA DI DUA KAWASAN

**SAHABAT, 19-20 Februari 2025**

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh anggota Lembaga, YBhg. Dato' Ramli Ismail dan turut disertai oleh YBhg. Dato' Mohd Banuri Aris, Pengerusi KPF, YBr. Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan YBr. Encik Anuar Hassan, Ketua Pentadbiran dan Perkhidmatan dan sekretariat daripada KPF Niaga Sabah.





# BUFET RAMADAN TENERA DIIKTIRAF PINGAT GASTRONOMI, RAIH 5 BINTANG INDUSTRI KULINARI



Hotel Tenera, Bangi

**BANDAR BARU BANGI, 4 Mac 2025** – Bufet Ramadan Hotel Tenera menerima **Pingat Gastronomi** daripada Persatuan Gastronomi Malaysia (GAM) mengukuhkan reputasinya sebagai bufet Ramadan berkualiti tinggi di Malaysia. Penghargaan ini menandakan keahlian rasmi Hotel Tenera dalam GAM serta pengiktirafan terhadap sumbangannya dalam industri kulinari tempatan.

Pingat tersebut disampaikan oleh Presiden GAM, **Chef Rossham Rusli** kepada **Encik Fadzly Hamzah, Pengurus Besar Hotel Tenera** dan **Chef Eksekutif Hotel Tenera, Chef Sahisal Azrul Mat Said**, dalam satu majlis khas di Hotel Tenera. Anugerah ini diberikan kepada individu dan organisasi yang menunjukkan kecemerlangan dalam bidang kulinari dan hospitaliti. Bufet Ramadan Tenera terkenal dengan kepelbagaian hidangan berkualiti tinggi dengan tema **Serantau Desa** menggabungkan sajian tradisional dan moden yang menarik perhatian pelanggan setiap tahun.

Dengan pengiktirafan ini, Bufet Ramadan Tenera terus menjadi destinasi pilihan berbuka puasa yang menawarkan pengalaman gastronomi yang unik. Kejayaan ini juga menjadi motivasi kepada pasukan kulinari Tenera untuk terus menghasilkan hidangan lazat yang memenuhi standard gastronomi tertinggi.







## BERBUKA PUASA DI HOTEL TENERA DESTINASI SERANTAU DESA BERSAMA KELUARGA

**BANDAR BARU BANGI** – Seperti tahun sebelumnya, Hotel Tenera kembali menjanjikan pengalaman berbuka puasa yang penuh makna dan kehangatan buat seisi keluarga. Menyambut kedatangan Ramadan tahun ini, Hotel Tenera sekali lagi menawarkan pelbagai sajian istimewa yang mencerminkan nilai kekraban dan silaturahim.

Apa yang menjadikan pengalaman berbuka puasa di Hotel Tenera begitu istimewa adalah peluang untuk seisi keluarga menunaikan solat tarawih secara berjemaah diimamkan oleh anak-anak tahfiz yang dijemput khas daripada Tahfiz Masjid Al Hasanah, Bangi.

Tahun ini, Hotel Tenera memperkenalkan pelbagai menu berbuka puasa yang bukan sahaja menarik, malah menyentuh jiwa dengan tema **"Serantau Desa"**. Para pengunjung boleh menikmati **hidangan klasik Melayu** yang sukar didapati di tempat lain. Salah satu tarikan utama adalah **Gulai Kawah Raja Berangkat**, menu istimewa yang hanya boleh dirasai di Hotel Tenera. Selain itu, pengunjung juga berpeluang menikmati **Nasi Dalca Lutut Kambing**, satu hidangan yang pasti membangkitkan selera dengan keunikan rasa dan teksturnya yang lembut.

Pengalaman berbuka puasa di Hotel Tenera satu kenangan manis yang sukar dilupakan.





# KPF SANTUNI ANAK-ANAK ASNAF PADA MAJLIS IFTAR RAMADAN



Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati

**KUALA LUMPUR, 12 Mac 2025** – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) menyantuni anak-anak asnaf dalam Majlis Iftar Ramadan yang penuh keberkatan di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati. Anggota Lembaga dan pengurusan KPF hadir untuk meraikan seramai 24 anak-anak asnaf daripada Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al-Barakh, Keramat. Sebagai tanda keprihatinan, sumbangan turut diberikan bagi menceriakan mereka di bulan mulia ini. Semoga usaha ini membawa kegembiraan serta mengeratkan silaturahim dalam komuniti.





# KPF TERIMA MANDAT SEBAGAI EJEN TUNGGAL (SUPER DEALER) BTS & PMS PADA MAJLIS BERBUKA PUASA FELDA BERSAMA YAB PERDANA MENTERI



Menara FELDA

**KUALA LUMPUR, 26 Mac 2025** – Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) turut serta dalam Majlis Berbuka Puasa FELDA Bersama YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Menara FELDA. Majlis ini mempererat hubungan warga peneroka dan syarikat di bawah Kumpulan FELDA dalam suasana penuh kesyukuran.

Dalam majlis ini, **KPF diberi mandat sebagai ejen tunggal "Super Dealer" bagi pembelian hasil sawit FELDA (aktiviti belian BTS dan operasi PMS)** pada sesi penyerahan watikah lantikan yang diserahkan oleh YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman, Pengarah Besar FELDA kepada Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF sambil disaksikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Watikah turut diserahkan kepada beberapa entiti lain termasuk Sustainable Future Sdn. Bhd. (SF), Angkut Lestari FELDA dan Bakti Mas Sdn. Bhd. bagi memperkukuh pengurusan hasil sawit lestari.

KPF komited untuk terus menyokong pemerkasaan ekonomi peneroka dan pembangunan industri sawit FELDA demi kesejahteraan bersama.





## MAJLIS TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PETUGAS KPF



**Dataran Ilmu, Balai FELDA**

**BALAI FELDA, 27 Mac 2025** – Satu Majlis Tadarus dan Khatam Al-Quran telah diadakan sebagai sesi penutup Tadarus Al-Quran yang telah disertai seramai 45 orang petugas KPF sempena bulan Ramadan.

Majlis dimulakan dengan tazkirah ringkas yang disampaikan oleh Ustaz Abdul Rahman Hamzah, Ketua Jabatan Operasi dan Keanggotaan dan kemudiannya diteruskan dengan bacaan surah lazim sebagai simbolik program tadarus telah berjaya dikhatamkan sepanjang tempoh bulan Ramadan pada tahun ini.

Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KPF menzahirkan ucapan terima kasih atas penganjuran aktiviti keagamaan yang penuh dengan pengisian ini. Tambahannya lagi, program yang bermanfaat seperti ini wajar dilaksanakan dengan kerap bagi meningkatkan kerohanian dan ukhwah dalam kalangan petugas Kumpulan KPF.







Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati



## SERUMPUN KOPERASI FELDA, MAJLIS RAYA GABUNGAN EMPAT KOPERASI MERIAH

**KUALA LUMPUR, 7 Mei 2025** – Empat koperasi utama di bawah naungan FELDA bergabung menjayakan program "Serumpun Koperasi FELDA Terlajak Raya" yang berlangsung meriah di Pusat Konvensyen MPAJ, Taman Melawati.

Program anjuran bersama Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), Koperasi Generasi FELDA Baru Berhad (KGFB), Koperasi Kakitangan FELDA Malaysia Berhad (FELKOP) dan Koperasi Pekerja Felda Malaysia Berhad (KOGUNA) ini diadakan bagi mengukuhkan kerjasama antara koperasi serta menyemarakkan sambutan Aidilfitri dalam kalangan komuniti FELDA dan menunjukkan kebersamaan.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran tetamu kehormat, YBhg. Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Pengerusi FELDA; YBhg. Dato' Dr. Suzana Idayu Wati Osman, Pengarah Besar FELDA; serta tetamu jemputan daripada Kumpulan FELDA.

Sebagai simbol keprihatinan sosial dan semangat perpaduan, seramai 50 anak yatim daripada Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh Malaysia turut diundang bagi memeriahkan majlis dan menerima sumbangan Hari Raya.





## KEMAS KINI MAKLUMAT PENAMA?



1

Muat turun borang pada laman portal KPF.



2

Lengkapkan borang berserta salinan kad pengenalan.



3

Hantarkan borang kepada [kpfadmin@felda.net.my](mailto:kpfadmin@felda.net.my)

## SEMAK DOKUMEN PINDAH MILIK



Salinan sijil kematian jika pemindahan syer kerana kematian anggota.



Salinan surat Perintah Pembahagian (bicara kuasa).



Salinan Kad Pengenalan Waris / Penerima Pindahan.



Salinan Paysheet FELDA yang telah ditukar nama.



## EKSTRA JIMAT!



|                                                                                                                                                                |                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                          |                                                                                                                                                                      |                                                                                                                                                                            |                                                                                                                                                                |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|  <p>SLERA-KUALIKU<br/>SARDINE 400G</p> <p>RM 5.00 /unit</p>                   |  <p>SLERA-KUALIKU<br/>BROKEN LYCHEE 567G</p> <p>RM 6.00 /unit</p>                         |  <p>SLERA<br/>BIHUN RICE VERMICELLI 300G</p> <p>RM 2.70 /unit</p>       |  <p>SLERA-KUALIKU<br/>BERAS IMPORT 5KG</p> <p>RM 20.90 /unit</p>                  |  <p>SLERA-KUALIKU<br/>PLAIN NOODLE 450G</p> <p>RM 6.50 /unit</p>                        |  <p>SLERA-KUALIKU<br/>KRIM SANTAN KELAPA 200G</p> <p>RM 3.20 /unit</p>      |
|  <p>KUALIKU<br/>MINYAK MASAK 2KG</p> <p>RM 13.30 /unit</p>                  |  <p>SLERA-NUTRIGOOD<br/>KRIMER MANIS KOPI &amp; TEH TARIK 500G</p> <p>RM 3.20 /unit</p> |  <p>SLERA-NUTRIGOOD<br/>KRIMER SEJAT 390G</p> <p>RM 2.80 /unit</p>    |  <p>SLERA-KUALIKU<br/>BIHUN RICE VERMICELLI 400G</p> <p>RM 2.80 /unit</p>       |  <p>KUALIKU<br/>TEPUNG GORENG SERBAGUNA (ASLI/PEDAS) 200G</p> <p>RM 2.90 /unit</p>    |  <p>KUALIKU<br/>SUP PUNJUT 8G</p> <p>RM 1.20 /unit</p>                    |
|  <p>KUALIKU<br/>GARAM HALUS 450G</p> <p>RM 1.00 /unit</p>                   |  <p>NUTRIGOOD<br/>WAFER ROLL (CHOCOLATE/STRAWBERRY) 400G</p> <p>RM 8.50 /unit</p>       |  <p>KRISPIE<br/>POTATO CRISPS (BBQ/ASLI) 85G</p> <p>RM 3.50 /unit</p> |  <p>SLERA<br/>CREAM CRACKERS 400G</p> <p>RM 4.50 /unit</p>                      |  <p>FRESHA-FRESS<br/>KORDIAL (SARSI/ROS/OREN) 2L</p> <p>RM 10.90 /unit</p>            |  <p>FRESHA-FRESS<br/>DRINKING WATER (1.5L) *8/CTN</p> <p>RM 5.50 /CTN</p> |
|  <p>FRESHA-FRESS<br/>DRINKING WATER (500ML) *12/CTN</p> <p>RM 5.00 /CTN</p> |  <p>FRESHA-FRESS<br/>DRINKING WATER (350ML) *12/CTN</p> <p>RM 4.50 /unit</p>            |  <p>PROKLEEN<br/>KITCHEN TOWEL 2 ROLLS</p> <p>RM 5.60 /unit</p>       |  <p>PROKLEEN<br/>LIQUID SOFTENER (LAVENDER/ROSE) 1.5KG</p> <p>RM 6.50 /unit</p> |  <p>PROKLEEN<br/>DETERGENT POWDER (FLORAL/COLOR CARE) 2.3KG</p> <p>RM 10.90 /unit</p> |  <p>PROKLEEN<br/>HANGING TISSUE 4PLY 320'S</p> <p>RM 6.50 /unit</p>       |



Lawati kami di :

Tingkat 3 Balai FELDA,  
Jalan Gurney 1,  
54000 Kuala Lumpur.

Hubungi :  
019-4470778



Official\_kpftrading



KPF Trading Sdn. Bhd.



kpftrading



@kpftrading



www.kpf.my





**KPF Niaga Sdn. Bhd.**  
(1261392-D)

## BAJA SEBATIAN KELUARAN **KPF**



Membekalkan  
nutrien  
seimbang

Menggalakkan  
pertumbuhan  
pokok

Menambah  
penghasilan dan  
berat buah

**BIDOR | SERTING | JENGKA | GUA MUSANG | KUANTAN**

016 760 2801

011 5158 5012

013 585 5723

017 746 9497

019 944 7373

**Dapatkan sekarang!** Hubungi kami di cawangan berdekatan anda untuk keterangan lanjut.

[www.kpfniaga.com](http://www.kpfniaga.com) | [f](#) [i](#) [o](#) [t](#) [k](#) [p](#) [f](#) [n](#) [i](#) [a](#) [g](#) [a](#) [c](#) [o](#) [m](#)

**TERBITAN:**



**JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT  
KOPERASI PERMODALAN FELDA MALAYSIA BERHAD**



@kpfasm



[www.kpf.my](http://www.kpf.my)